



# BERITA

No: 11

## **Fret Mula Stabil, Bilangan Penumpang Menjunam**

26 Mac 2009 (Geneva) Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) hari ini mengumumkan statistik penerbangan antarabangsa bagi bulan Februari yang menunjukkan permintaan terus merosot.

Volum penumpang jatuh dengan ketara kepada 10.1% di bawah tahap 2008 (daripada -5.6% yang dicatatkan pada Januari). Pengurangan kapasiti 5.9% — paling besar sejak krisis melanda — tidak sebesar kejatuhan permintaan, menyebabkan faktor muatan Februari jatuh kepada 69.9% (3.2 peratus lebih rendah daripada bulan yang sama pada tahun sebelumnya).

Volum fret antarabangsa bulan Februari adalah 22.1% lebih rendah daripada yang dilaporkan pada 2008. Ini merupakan bulan ketiga berturut-turut angkanya 20% di bawah tahap tahun lepas (-23.2 pada Januari dan -22.6% pada Disember).

"Kemelesetan terus berlarutan. Kejatuhan ketara dalam angka penumpang pada bulan Februari menunjukkan krisis semakin menular. Angka penerbangan fret, yang mula merosot sejak Jun 2008, sebelum pasaran penumpang mengalami kemerosotan, kini sudah tiga bulan berturut-turut pada tahap -22% hingga -23%. Kita mungkin sudah sampai ke tahap terendah dari segi kejatuhan fret, tetapi memandangkan kemerosotan begitu ketara bermakna masa diperlukan untuk

pulih," kata Giovanni Bisignani, Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif IATA.

## **Penumpang**

- Kemerosotan permintaan bagi penerbangan antarabangsa mengatasi penyelarasan kapasiti yang dilaksanakan di semua rantau.
- **Syarikat penerbangan Afrika** melaporkan penurunan permintaan paling besar (-13.7%), melebihi pengurangan kapasiti paling agresif (-11.8%) sekalipun.
- **Syarikat penerbangan Asia-Pasifik** mencatatkan kemerosotan angka penumpang sebanyak 12.8%, jauh mengatasi penyelarasan kapasiti -7.8%. Ekonomi berdasarkan eksport rantau ini terus mengalami kesannya, dan tempiasnya dirasai oleh sektor pengembalaan perniagaan dan riadah — terutamanya destinasi jarak jauh. Walaupun keadaan ini agak teruk menjelang Tahun Baru Cina (iaitu pada bulan Januari 2009 dan Februari 2009), kemerosotan ketara daripada -8.4% yang dicatatkan pada Januari menunjukkan kesan krisis yang semakin menular di rantau ini.
- **Syarikat penerbangan Amerika Utara** mencatatkan kejatuhan 12.0% dalam permintaan, juga melebihi penyelarasan kapasiti -7.1%. Keyakinan pengguna masih rendah pada bulan yang umumnya kurang kegiatan penerbangan.
- **Syarikat Penerbangan Eropah** menyaksikan jumlah penumpang udara jatuh sejajar dengan purata global sebanyak -10.1%. Pasaran jarak jauh ke Amerika Syarikat (AS) dan Asia telah mengalami kesan buruk menunjukkan kesan ekonomi negative seperti yang dilihat di Jerman, di mana keyakinan mencecah tahap terendah pada Februari dan sekali lagi pada bulan Mac ini.
- **Syarikat penerbangan Amerika Latin** mengalami penyelarasan kapasiti (-2.4%) yang selari penurunan permintaan (-3.8%). Kemelesetan pasaran komoditi memberi kesan kepada kegiatan perdagangan — khususnya di AS dan Asia.

- **Syarikat Penerbangan Timur Tengah** telah menentang arus kemerosotan apabila mencatatkan peningkatan 0.4% dalam lalu lintas penumpang antarabangsa. Tetapi peningkatan kapasiti agresif sebanyak 7.3% menyebabkan faktor muatan menyusut 4.7 mata peratus kepada 68.1%.

## Kargo

- Semua pasaran kargo melaporkan permintaan sangat lemah yang berterusan akibat daripada kemerosotan ketara perdagangan barang antarabangsa dan tahap penghantaran komponen lebih rendah oleh pengilang. Namun begitu, kadar fret udara nampaknya sudah mencapai tahap terendah dalam tempoh tiga bulan lepas. Indeks Pengurus Pembelian Eurozone yang baru dilancarkan, adalah petunjuk yang berguna bagi trafik kargo. Ia telah menunjukkan peningkatan yang kecil dan tidak dijangka pada Mac — walaupun angkanya masih negatif.
- **Syarikat penerbangan Timur Tengah** mengalami kejatuhan permintaan paling rendah (-4.8%). Kawasan ini juga merupakan satu-satunya rantau yang meningkatkan kapasiti (+5.4%).
- **Syarikat penerbangan Afrika** mencatatkan prestasi paling buruk dengan kejatuhan 30.7% dalam kegiatan fret antarabangsa ekoran kehilangan bahagian pasaran bagi laluan jarak jauh di samping menghadapi kesan kemelesetan ekonomi.
- **Syarikat penerbangan Asia** — yang merupakan peserta terutama dalam kargo - menyaksikan permintaan menyusut sebanyak 24.7% kerana industri bernilai tinggi rantau ini yang bergantung kepada eksport mengalami kesan buruk permintaan pengguna yang semakin rendah di pasaran utama Eropah, AS dan Jepun. Eksport Jepun merosot sebanyak separuh berbanding tahap pada Februari 2008.
- **Syarikat penerbangan Eropah dan Amerika Utara** masing-masing menghadapi penyusutan permintaan kargo sebanyak 23.1% dan 21.8%. Rancangan rangsangan kerajaan masih belum dapat menggalakkan permintaan pengguna.

- **Syarikat penerbangan Latin Amerika** melaporkan penurunan permintaan sebanyak 22.8% disebabkan oleh permintaan komoditi serantau yang semakin rendah.

Bisignani mengingatkan kerajaan bahawa pengangkutan udara ialah pemangkin bagi kegiatan ekonomi dan menyeru agar perubahan dasar dilaksanakan untuk membantu industri tersebut merangsang ekonomi dengan memainkan peranan secara berkesan. "Kerajaan membelanjakan bertrilion dolar untuk menyelamatkan bank dan juga bertrilion dolar untuk merangsang ekonomi. Secara perbandingannya, permintaan kami kepada kerajaan menjimatkan kos dan tidak membebankan. Pertama sekali pengangkutan udara memerlukan struktur cukai yang membantu mengekalkan tenaga kerja dalam industri dan membolehkan pengangkutan udara memainkan peranannya sebagai pemangkin bagi kegiatan ekonomi keseluruhan. Kerajaan perlu menarik balik cukai baru berjumlah US\$6.9 billion yang dikenakan ke atas industri pada 2009 untuk membantu membiayai usaha menyelamatkan bank — walaupun langkah tersebut dianggap sebagai langkah memulihara alam sekitar. Lebih penting lagi, kerajaan perlu menyangkal tanggapan bahawa cukai patut dikenakan atas penerbangan kerana merupakan perkhidmatan mewah atau sesuatu yang membazirkan dan mengantikannya dengan pendekatan strategik yang mengiktiraf dan memupuk peranan penting industri untuk menghubungkan insan kepada perniagaan dan produk kepada pasaran. Kedua, syarikat penerbangan memerlukan kebebasan komersil untuk bergabung atau mengukuhkan operasi sekiranya wajar dari segi perniagaan - walaupun penggabungan merentasi sempadan negara," kata Bisignani.

Bisignani juga memberi amaran bahawa beban krisis memerlukan tindak balas industri. "Ini bukan sahaja satu krisis syarikat penerbangan. Kecekapan mesti diutamakan di seluruh rantaian bekalan. Langkah mengurangkan caj pendaratan di Lapangan Terbang Changi Singapura sebanyak 25% dan mengurangkan caj pendaratan 50% di Lapangan Terbang Malaysia adalah langkah penting dan tepat. Model ini harus dicontohi oleh orang lain," kata Bisignani.

"Keutamaan bagi syarikat penerbangan di seluruh dunia ialah kelangsungan operasi — melindungi tunai dan menyelaraskan kapasiti supaya selari dengan permintaan. Ini bermakna menyesuaikan saiz dan membentuk semula industri untuk menangani kemerosotan hasil sebanyak US\$62 bilion (12%) yang dijangkakan tahun ini. Syarikat penerbangan terpaksa membuat keputusan sukar untuk terus beroperasi dalam suasana di mana industri mencatatkan kerugian berjumlah US\$4.7 bilion pada 2009," kata Bisignani.

**- IATA -**

**Hubungi:**

Albert Tjoeng

Pengurus

Komunikasi Korporat

Asia Pasifik

Tel : +65 64992286 / +65 91723767

E-mel : [tjoenga@iata.org](mailto:tjoenga@iata.org)

**Nota kepada Pengarang:**

- IATA (Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa) mewakili kira-kira 230 syarikat penerbangan yang meliputi 93% daripada penerbangan yang terjadual.
- Penjelasan istilah ukuran prestasi:
  - RPK: Kilometer Penumpang Berhasil mengukur bilangan penumpang sebenar
  - ASK: Kilometer Tempat Duduk Sedia Ada mengukur kapasiti penumpang yang sedia ada
  - PLF: Faktor Muatan Penumpang ialah % ASK yang digunakan. Apabila membandingkan 2007 dan 2006, PLF menunjukkan perbezaan antara dua tempoh yang dibandingkan.
  - FTK: Kilometer Tan Fret mengukur jumlah fret sebenar

- ATK: Kilometer Tan Sedia Ada mengukur jumlah kapasiti sedia ada (menggabungkan penumpang dan kargo)
- Statistik IATA meliputi penerbangan udara terjadual, penerbangan domestik tidak dimasukkan.
- Semua perangkaan adalah tidak muktamad dan mewakili jumlahnya pada masa penerbitan serta anggaran bagi data yang hilang.
- Bahagian pasaran penumpang udara antarabangsa mengikut rantau dari segi RPK ialah: Eropah 32.5%, Asia Pasifik 32.5%, Amerika Utara 17.2%, Timur Tengah 10.9%, Amerika Latin 5.1%, Afrika 1.9%.
- Bahagian pasaran trafik fret antarabangsa mengikut rantau dari segi FTK ialah: Asia Pasifik 42.9%, Eropah 27.0%, Amerika Utama 17.2%, Timur Tengah 10.3%, Amerika Latin 5.1%, dan Afrika 0.9%.